



# 100 pelajar B40 UUM terima bantuan awal pengajian daripada YBR

Oleh **Mahaizura Abd Malik** - Januari 16, 2023 @ 6:31pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



KUALA LUMPUR: Seramai 100 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) daripada keluarga B40 akan menerima manfaat bantuan awal pengajian bernilai keseluruhan RM100,000 hasil inisiatif Yayasan Bank Rakyat (YBR), tahun ini.

Pengurus Besar YBR, Syaiful Rizal Abdul Ghani, berkata bantuan itu bertujuan meringankan beban kewangan pelajar ketika kemasukan semester baharu.

Beliau berkata, pemilihan pelajar diploma dan ijazah sarjana muda terbabit dilakukan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UUM, dengan setiap penerima akan memperoleh bantuan RM1,000.

"Inisiatif ini dilaksanakan bagi memastikan pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan, terutama masyarakat di luar bandar, pedalaman dan miskin bandar, diberi peluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi, selain meringankan tanggungan ibu bapa," katanya pada majlis penyerahan bantuan itu di UUM, Sintok, Kedah, hari ini.

Penyerahan replika cek bantuan awal pengajian itu disaksikan Naib Canselor UUM, Prof Dr Haim Hilman Abdullah.

Yang turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed; Ketua Bahagian Operasi YBR, Mohd Mukhti Abd Rahman; serta Pengurus Komunikasi Korporat YBR, Mohamad Ghazali Zainal Abidin.

Dalam pada itu, Syaiful Rizal berkata, YBR menyalurkan bantuan awal pengajian berjumlah RM2.27 juta kepada 2,916 pelajar di 19 institusi pengajian tinggi (IPT) dan melalui permohonan 11 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sepanjang 2022.

Pada majlis sama, YBR melalui Perpustakaan Digital Serambi Ilmu Rakyat (SIR Corner) turut menyumbangkan set kelengkapan 'SIR Corner' kepada Perpustakaan UUM bagi memudahkan pelajar mendapatkan maklumat terkini dan bahan bacaan ilmiah secara digital.

Untuk rekod, YBR memperuntukkan RM350,000 setiap tahun untuk langganan dan pangkalan data bahan digital SIR daripada pihak pembekal.

Usaha itu bertujuan menggalakkan tabiat membaca dalam kalangan pelajar dan masyarakat tanpa sempadan masa serta lokasi.